

SEMINAR KELUARGA BAHAGIA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5527-seminar-keluarga-bahagia

ALOR SETAR, 18 Okt 19 - Pejabat Agama Kolej Tentera Udara telah menganjurkan Seminar Keluarga Bahagia Peringkat KTU Tahun 2019 bertempat di Dewan Pperiksa ITAS, Kolej Tentera Udara.

Seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran dan pemahaman yang berkesan kepada suami isteri tentang perihal rumah tangga serta bagaimana untuk membentuk sesebuah institusi keluarga yang bahagia, bersesuaian dengan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Lutfi Amir bin Saidin yang bertajuk "Pembentukan Keluarga Bahagia" dan 'Cabaran Institusi Keluarga Masa Kini' yang disampaikan oleh Ustazah Che Nazrah binti Yusoff.

Turut hadir Pegawai Eksekutif Kolej, Kol Hishamudin bin Abd Rahman TUDM bersama isteri, Puan Zahara binti Ahmad, Pegawai Memerintah INSPEK 1, Lt Kol Mohd Faizal bin Md Jani TUDM, warga Kolej dan Ahli BAKAT.

Dalam majlis yang sama turut diadakan penyampaian sumbangan Zakat ATM dan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera kepada Mej Che Zunida binti Che Azmi TUDM dan Sjn U Suhaidi bin Salleh yang disampaikan oleh Pegawai Eksekutif Kolej, sekaligus merasmikan upacara penutup Seminar Keluarga Bahagia Peringkat KTU Bagi Tahun 2019.

